

Teks Ucapan Sempena Program Pemantapan Komuniti Bandar Keluarga Malaysia

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 19/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

SEMPENA

**PROGRAM PEMANTAPAN KOMUNITI BANDAR KELUARGA
MALAYSIA**

**19 OKTOBER 2022 | RABU | 10.00 PAGI
KOMPLEKS KOMERSIAL TASEK GELUGOR, PULAU PINANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama bagi menjayakan **Program Kemampanan Komuniti Bandar Keluarga Malaysia** di Kompleks Komersial Tasek Gelugor, Pulau Pinang, pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican dan seluruh warga KPKT kerana menganjurkan program ini.

3. Saya berasa gembira dengan sambutan hebat yang diberikan oleh Keluarga Malaysia di Tasik Gelugor yang hadir beramai-ramai pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Kerajaan sentiasa komited memajukan sosioekonomi seluruh Keluarga Malaysia termasuk meningkatkan taraf hidup terutamanya golongan berpendapatan rendah di bandar agar mereka dapat hidup dalam keadaan harmoni, selamat dan sejahtera.

5. Dalam hal ini, KPKT sebagai sebuah Kementerian yang sentiasa peka dan prihatin terhadap keluh kesah Keluarga Malaysia telah mengangkat **Agenda Malaysia Berdaya Huni** dengan menumpukan kepada usaha pembangunan mampan, inklusif dan terangkum.

6. Agenda berkenaan bukan hanya sejajar dengan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) 2030 tetapi juga bertepatan dengan matlamat Keluarga Malaysia yang memastikan tiada pihak yang terpinggir daripada kemajuan negara.

7. Berlandaskan kepada Agenda SDG, saya yakin pembangunan negara akan bertambah baik dan menjadi lebih teguh, berdaya tahan menjelang tahun 2030.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

8. Meskipun impak urbanisasi menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi, namun ia turut menimbulkan isu perbandaran seperti banjir kilat, kesesakan dan rebakan bandar yang menuntut perancangan yang jitu demi daya huni komuniti yang unggul.

9. Dalam usaha mengimbangi kesan pembangunan pesat dan komuniti bandar, Kerajaan telah memperkenalkan Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) yang turut merangka dasar yang relevan bagi meningkatkan kesejahteraan sosial dan memperkukuhkan keharmonian dalam komuniti.

10. Pelaksanaan PKKB dibuat setelah mengambil kira kepentingan semua lapisan dan menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

11. Kerajaan juga telah memperuntukan sebanyak RM2.25 juta bagi pelaksanaan PKKB di Semenanjung Malaysia dan akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak tahun depan. Insya-ALLAH.

12. Bagi berdepan dengan kemiskinan di bandar, Kerajaan melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB), bagi mengurangkan beban tanggungan Ketua Isi Rumah (KIR) dan meningkatkan kualiti hidup keluarga.

13. Pembasmian kemiskinan ini terutamanya melibatkan kumpulan B40, memerlukan usaha sepakat dalam mengurangkan kesukaran dan meningkatkan daya upaya keluarga miskin di bandar dalam menghadapi cabaran perbandaran.

14. Oleh itu, KPKT melaksanakan Program Baik Pulih Rumah dan Program Pemeraksanaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) bagi menambah baik kualiti kehidupan berkeluarga di bandar.

15. Kerajaan juga menambah nilai peruntukan PPKB menjadikannya sebanyak RM6.5 juta yang dapat memberi manfaat kepada 435 penerima bantuan perumahan di Pulau Pinang.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

16. Bagi memastikan penyediaan rumah mampu milik mencukupi untuk seluruh Keluarga Malaysia, KPKT melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) masih meneruskan skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang diperkenalkan sejak 20 tahun lalu.

17. Sehingga kini, SPNB telah menyiapkan sejumlah 51,726 unit RMR di seluruh negara termasuklah di Pulau Pinang manakala pada tahun ini sebanyak 5,000 unit rumah telah mendapat kelulusan pembinaan.

18. Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk merealisasikan aspirasi Satu Keluarga Satu Rumah Kerajaan khususnya untuk golongan muda, B40 dan M40.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

19. Kerajaan melalui KPKT juga menyokong program keusahawanan dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi negara melalui Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB).

20. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan B40 dengan memberikan pelbagai bantuan berbentuk latihan, bimbingan serta peralatan bagi membantu mereka memulakan perniagaan.

21. Seramai 249 peserta di Pulau Pinang telah berjaya menjalani latihan keusahawanan pada tahun ini dan sejumlah mereka telahpun berjaya menjana pendapatan tambahan melebihi RM600. Alhamdulillah.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

22. KPKT juga bergerak secara proaktif dengan menggubal Dasar Komuniti Negara (DKomN) untuk membentuk komuniti yang lebih peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat dan mewujudkan kehidupan Keluarga Malaysia yang lebih sejahtera.

23. Dasar ini memberi penekanan kepada nilai murni, rasa tanggungjawab dan rasa kepunyaan dalam kalangan komuniti bandar untuk menjalani kehidupan harian yang selesa selaras dengan hasrat Keluarga Malaysia.

24. Pada 7 Oktober yang lalu, Kerajaan telah membentangkan Bajet 2023 berjumlah RM372.3 bilion yang merupakan bajet terbesar dalam sejarah negara yang memfokuskan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

25. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) untuk memenuhi sasaran Sifar Kemiskinan Tegar pada akhir tahun 2025.

26. Bantuan Keluarga juga terus ditambah dengan peruntukan sebanyak RM7.8 bilion yang memberi manfaat kepada 8.7 juta penerima.

27. Ini merupakan bantuan tunai terbesar dalam sejarah negara yang menyaksikan Ketua Isi Keluarga yang berpendapatan bawah RM2,500 dan mempunyai lima anak atau lebih akan menerima bantuan sebanyak RM2,500.

28. Setiap lapisan masyarakat dari B40, M40, warga emas, belia, peniaga, petani, OKU, murid sekolah sehinggalah ibu hamil menjadi fokus dalam bajet ini, membuktikan tiada siapa yang dipinggirkan.

29. Namun begitu, segala bantuan dan inisiatif ini hanya dapat direalisasikan sekiranya Kerajaan Keluarga Malaysia diberi mandat pada PRU-15, supaya bajet ini dapat dibentangkan sekali lagi dan diluluskan di Parlimen.

30. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada komuniti Tasek Gelugor atas sambutan yang meriah ditunjukkan hari ini.

31. Semoga tahun 2022 dapat memberikan nikmat kepada Keluarga Malaysia keseluruhannya.

32. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya sudahi ucapan saya dengan **Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/program-pemantapan-komuniti-bandar-keluarga-malaysia/>